



**SWM ENVIRONMENT**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **35 BUAH SEKOLAH MENENGAH DI MELAKA SERTAI WMAM Eco Youth Challenge (WEYC) 2022**

---

**MELAKA** – Sebanyak 35 buah sekolah menengah di Melaka baru-baru ini telah menyertai sesi penerangan terma dan syarat peringkat negeri Melaka, bagi menyertai program *WMAM Eco Youth Challenge (WEYC) 2022*.

Program pemupukan kesedaran yang telah dilancarkan pada bulan Mei lalu ini memfokuskan kepada isu plastik dan amalan kitar semula ini. Ia dianjurkan oleh Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (*Waste Management Association of Malaysia - WMAM*) bersama dengan SWM Environment Sdn. Bhd. sebagai rakan strategik dan Coca-Cola Malaysia melalui Yayasan Coca-Cola serta mendapat kerjasama penuh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

Pada tahun 2018, program WEYC telah memberi impak positif kepada 165,600 pelajar sekolah dari tiga buah negeri di selatan semenanjung Malaysia iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Justeru itu, program kelestarian alam sekitar ini diteruskan dan menerima sokongan dan kepercayaan penuh daripada pihak Coca-Cola Malaysia dengan memberi penekanan kepada isu plastik melalui lima buah kategori yang dipertandingkan iaitu Pertandingan Mengumpul Barangan Kitar Semula, Pertandingan Ukiran Bahan Daripada Barangan Kitar Semula, Pertandingan Video Pendek, Pertandingan Mendeklamasi Sajak dan Pertandingan Menulis Esei.

Pertandingan berasaskan pembudayaan kreatif amalan kitar semula ini melatih peserta untuk menganalisa data, dan bekerja secara berpasukan bagi menangani isu-isu semasa berkaitan pengurusan sisa serta amalan kitar semula. Selain itu, mereka juga perlu membina hubungan dengan persekitaran tempatan untuk mendorong perubahan dalam komuniti mereka selain memupuk nilai-nilai murni seperti rasa cinta dan tanggungjawab kepada alam sekitar.

WMAM, SWM Environment dan Coca-Cola Malaysia turut merangka aktiviti promosi dan jelajah pendidikan kepada 150 sekolah yang terlibat di negeri Negeri Sembilan, Melaka dan Johor bagi memberikan maklumat tepat dengan merangkumi kepentingan sistem ekologi, aktiviti 3R (Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula) dan pengurangan pelepasan karbon.

Penganjuran WEYC 2022 juga dijangka dapat mengumpul sebanyak 116.12 tan sisa kitar semula iaitu sasaran peningkatan 12 peratus daripada 103.75 tan sisa kitar semula yang berjaya dikumpulkan melalui penganjuran WEYC 2018.

Diharapkan agar program ini dapat merangsang transformasi minda dalam meningkatkan amalan kitar semula serta menggalakkan pelajar untuk melakukan lebih banyak aktiviti pemeliharaan alam sekitar serta mengurangkan pelepasan karbon.



**SWM ENVIRONMENT**

**-TAMAT-**

### **MENGENAI WMAM**

Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia juga dikenali sebagai The Waste Management Association of Malaysia (WMAM) ialah sebuah organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan untuk warga profesional yang bertumpukan kepada usaha pengurusan sisa. Organisasi ini itubuhkan pada Mac 2005, WMAM mewakili warga dari pelbagai disiplin, termasuk kejuruteraan, undang-undang, sains serta pengurusan.

WMAM berfungsi untuk mempromosikan dan menggalakkan pengekalan piawaian tinggi terutamanya pada perkhidmatan pengurusan sisa di Malaysia termasuk sisa pepejal, sisa cecair, sisa berbahaya, sisa klinikal dan semua jenis sisa lain. WMAM juga menggalakkan kerjasama antara semua pihak yang mempunyai minat yang sehalu dan prihatin dengan pengurusan sisa. WMAM ialah organisasi yang tidak berasaskan keuntungan namun bergiat aktif dalam teknikal dan pendidikan yang menyediakan forum di mana semua sudut pandangan mengenai pengurusan sisa boleh dibincangkan.

WMAM juga bertujuan untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan rapat dengan organisasi yang bergiat aktif dalam pengurusan sisa tempatan dan antarabangsa selain daripada menganjurkan mesyuarat, lawatan teknikal, latihan, kursus, bengkel dan seminar mengenai isu pengurusan sisa termasuk lawatan sambil belajar untuk mempromosikan perkongsian maklumat dan idea praktikal mengenai pengurusan sisa untuk manfaat dan kebajikan warga WMAM.

### **MENGENAI COCA COLA MALAYSIA**

Selain daripada Coca-Cola, salah satu jenama paling ternama di dunia, sistem Coca-Cola di Malaysia mengilang, memasar dan mengedarkan lebih 80 produk termasuk minuman berkarbonat (Fanta, A&W, Schweppes), minuman berkarbonat rendah dan tanpa kalori (Coca-Cola Light, Coca-Cola Tanpa Kalori), minuman jus (Minute Maid Pulpy, Minute Maid Refresh, Minute Maid Qoo), teh (Heaven and Earth, Authentic Tea House), dan air (Glaceau Vitaminwater, Dasani).

Coca-Cola telah berada di Malaysia, yang ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu, sejak 1936, memberikan perkhidmatan kepada lebih 200,000 pelanggan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Menerusi program dan perkongsiannya, Coca-Cola Malaysia menyasarkan untuk melakukan perubahan-perubahan positif yang berkekalan di dalam komuniti tempatan.

Daripada program kitar semula, menerusi kerjasama dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Pusat Alam Sekitar Global (GEC), Reef Check, MareCet, Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM); dan kerja-kerja melibatkan projek air dengan Muslim Aid Malaysia dan Raleigh International bagi menyediakan akses kepada air bersih untuk lebih dari 23,000 pendudukan kampung di pedalaman Sabah, untuk memperkasa ekonomi wanita menerusi program keusahawanan Coca-Cola Ku – Coca-Cola komited ke arah membina komuniti lestari di Malaysia.



**SWM ENVIRONMENT**

Untuk maklumat lanjut tentang Coca-Cola Malaysia, layari: [www.coca-cola.com.my](http://www.coca-cola.com.my)

### **MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: [www.swmenvironment.com](http://www.swmenvironment.com).

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula, KITARecycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITARecycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima insentif untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITARecycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: [www.kitarecycle.com](http://www.kitarecycle.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.



**SWM ENVIRONMENT**

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Tsia Mun Kaik (Moon)**

Eksekutif Kanan

Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia

Waste Management Association Malaysia (WMAM)

Tel : 03-2788 9200 Ext: 9271 / 016-507 1496

E-mel : [munkaiktsia@wmam.org](mailto:munkaiktsia@wmam.org)

**Nurul Fiziyah Zaabah (Fizz)**

Manager

Social License & Community Relation

Coca-Cola Bottlers Malaysia Sdn. Bhd.

Tel : 018- 977 5209

E-mel : [nurul.fiziyah@coca-cola.com.my](mailto:nurul.fiziyah@coca-cola.com.my)

**Shida Taslim**

Pengurus Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

Tel : 019-255 0908

E-mel : [norsida.taslim@swmsb.com](mailto:norsida.taslim@swmsb.com)